

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 12 OGOS 2019

MUKA SURAT: 12

Nasional

ISNIN, 12 OGOS 2019 B11

Remaja Ireland hilang

Lebih 30 rumah, kawasan sungai sudah diperiksa

Masih tiada petunjuk kukuh dapat dikait dengan kehilangan

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

Seremban: Polis setakat ini sudah memeriksa lebih 30 rumah, manakala pasukan penyelam sudah melakukan pemeriksaan di kawasan sungai dalam usaha mengesan Nora Anne Quoirin, 15, yang dilaporkan hilang di sebuah resort di Pantai, di sini, sejak 4 Ogos lalu.

Bagaimanapun, setakat ini, tiada petunjuk kukuh dapat dikaitkan dengan kehilangan remaja Ireland itu.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop, berkata walaupun operasi mencari dan menyelamat (SAR) sudah memasuki hari kelapan, anggota pasukan masih gagal memperoleh petunjuk baharu.

Malah, beliau berkata, kes seumpama ini tidak pernah terjadi dalam tempoh 10 tahun lalu, melainkan beberapa kes pendaki teresat di kawasan Gunung Berembun.

"Kita masih teruskan operasi dan kekuatan anggota yang diarahkan pada hari ini (sema-



Mazlan bertemu bapa Nora Anne ketika melawat pekarangan resort di Pantai, Seremban, semalam.

[Foto Ihsan PDRM]

lam) seramai 296 orang termasuk orang awam.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung kes ini boleh menghubungi pihak berkuasa menerusi nombor hotline khas OP SAR di talian 0111-2285058," katanya pada sidang media di Balai Polis Pantai, di sini, semalam.

Terdahulu, kes kehilangan Nora Anne yang mula heboh sejak 4 Ogos lalu semakin menarik perhatian ramai termasuk pihak istana apabila Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaiddin mengunjungi Balai Polis Pantai pada jam 1.15 tengah hari se-

malam untuk bertemu dan menyampaikan 350 bungkusan kepada petugas SAR.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Manisor juga turut kenawat pekarangan resort berkenaan pada jam 12.30 tengah hari bagi mendapatkan perkembangan terkini operasi SAR, selain meluangkan masa berjumpa keluarga mangsa.

Sementara itu, Mohamad berkata, polis tidak pernah mengaharakan arahan kepada pengusaha resort di kawasan itu menghentikan aktiviti rekreasi mereka.

"Kita tak pernah keluarkan

arahan larangan mendaki sama ada kepada pelancong atau pihak pengurusan resort. Mereka boleh teruskan aktiviti itu.

"Mungkin jika ada yang pergi mendaki gunung dan terserempak dengan mangsa (ketika dalam perjalanan), mereka boleh hubungi kami. Itu dikira usaha orang awam membantu kita juga.

"Selain itu, sukarelawan turut dialu-alukan menyertai SAR bersama pasukan keselamatan dalam usaha mengesan mangsa. Orang ramai juga boleh menghubungi kami dan kita boleh bincang bersama," katanya.